

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24/12/2018

Swasta bantu pesara ATM

■ KUALA LUMPUR 23 DIS.

TUN Dr. Mahathir Mohamad menyarankan sektor swasta untuk sama-sama terlibat dalam hal kebajikan pesara tentera terutama dalam penempatan pekerjaan kepada individu yang layak.

Perdana Menteri berkata, perhatian sebegini tidak akan merugikan pihak swasta kerana veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) generasi baharu memiliki pengalaman dan kepakaran tinggi dalam pelbagai bidang daripada sektor pembuatan makanan sehingga aeroangkasa.

“Tentera yang bersara berumur 34 hingga 42 tahun dan dengan usia yang masih muda pastinya mereka mempunyai masa yang lama untuk menyumbang kepakaran dan pengalaman kepada majikan,” katanya ketika berucap pada Majlis Konvokesyen Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat) ke-52 di sini, hari ini.

Teks ucapan beliau dibaca-

kan Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu yang kemudiannya turut menyampaikan sijil kepada sekumpulan graduan yang terlibat pada sesi pertama konvokesyen berkenaan.

Merujuk kepada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020), Dr. Mahathir berkata, sektor swasta dijangka kekal menerajui pertumbuhan ekonomi dengan pelaburan dijangka berkembang 5.7 peratus setahun.

“Inilah platform terbaik untuk syarikat swasta membantu kerajaan hari ini, malah lebih penting sebagai tanda penghargaan tertinggi bagi membalas jasa pengorbanan tentera.

“Marilah kita bersama-sama membentuk negara berpendapatan tinggi sekali gus mengembalikkan status Malaysia sebagai Harimau Asia,” katanya.

Perdana Menteri berkata, penempatan pekerjaan khas untuk pesara tentera dan anak mereka juga akan mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing yang akhir-

akhir ini agak berleluasa.

“Saya yakin veteran tentera generasi baharu mampu menjadi sebahagian tenaga kerja mahir dalam pelbagai bidang seperti automatif sekali gus menyumbang kepada Revolusi Industri 4.0,” katanya.

Beliau percaya majoriti rakyat sedia maklum mengenai situasi ekonomi negara ketika ini amat mencabar dan kepercayaan kerajaan dalam pemberian peruntukan agak terhad.

“Saya berpendapat, kolaborasi Perhebat bersama syarikat swasta dan syarikat berkaitan kerajaan mampu menanganinya.

“Adalah diharap pihak swasta sensitif dan proaktif membantu kerajaan dalam program-program membela kebajikan bakal pesara dan veteran ATM,” katanya.

Tambahnya, kerajaan turut berharap pihak swasta terutamanya syarikat multinasional bersedia menawarkan program latihan khusus untuk bakal pesara dan veteran tentera. - BER-

NAMA

LENSA



GESEKAN BIOLA DR. SITI HASMAH

ISTERI Perdana Menteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali membuat penampilan istimewa dengan mempamerkan kebolehan menggesek biola bagi lagu *Fatwa Pujangga* secara solo dalam Konsert Duo Lagenda Datuk Jamal Abdillah dan Datuk M. Nasir di Istana Budaya, Kuala Lumpur, malam semalam.

Persembahan Dr. Siti Hasmah bertujuan mengumpul dana bagi mengisi Tabung Kasih Malaysia yang dilancarkan Pertubuhan Kebajikan Amal Silaturahim Isteri-Isteri Harapan Malaysia itu mendapat tepukan gemuruh daripada lebih 1,000 penonton. - BERNAMA